

Pelabur elektronik guna bahan tempatan

MUAR 9 Jun— Kerajaan telah memuluskan supaya setiap pelabur dalam industri elektronik mempertingkatkan penggunaan bahan tempatan dalam sektor itu dan mewujudkan hubungan dengan industri tempatan sebelum layak diberi insentif percukaian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan membuat keputusan itu untuk memastikan hasrat Malaysia untuk menambah bilangan usahawan tempatan khususnya bumiputera, supaya menceburi industri sokongan.

"Para pelabur hendaklah menyambut baik syarat-syarat itu kerana mereka akan menikmati pembekal komponen de-

ngan mudah, penghantaran cepat dan perkhidmatan teknikal yang baik," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan kilang Pioneer Technology (M) Sdn. Bhd. di Tanjung Agas di sini hari ini.

Kata Perdana Menteri, langkah seperti itu terpaksa diambil kerana kerajaan memandang berat kurangnya penyertaan rakyat Malaysia dan kekurangan pertalian antara industri-industri elektronik dan industri-industri sokongan tempatan.

"Teras asas dasar kerajaan ialah untuk mempelbagaikan industri bukan sahaja untuk menghasilkan kepelbagaian barangan elektronik tetapi juga untuk mewujudkan lebih

banyak pertalian yang berkesan," katanya.

Dr. Mahathir berkata, pelabur sepatutnya menikmazi pembekal komponen yang terdekat (tempatan), bersama-sama dengan perkhidmatan penyerahan dan teknikal yang lebih baik.

"Syarat-syarat itu juga boleh membantu mengatasi masalah peningkatan kos komponen dari Jepun berikutan kenaikan nilai Yen yang mengakibatkan perlunya dicari sumber-sumber yang lebih murah tanpa bertolak ansur pada dalam soal mutu," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, di sinilah industri-industri kecil dan sederhana (IKS) dapat memainkan peranan penting sebagai pembekal barangan dan komponen kepada

syarikat-syarikat besar yang terlibat dengan pembuatan barangan.

Beliau berharap dengan meningkatkan perhubungan sub-kontrak dengan firma pengguna elektronik, firma-firma Malaysia akan dapat faedah melalui pemindahan teknologi, khususnya dalam bidang pembuatan dan proses pemasangan kecil, teknik jaminan kualiti serta pengetahuan mengenai operasi pengu-
rusan.

Terdahulu itu, Dr. Mahathir bangga kerana pelaburan berjumlah RM77.7 bilion telah diluluskan dalam sektor industri sejak tahun 1991 hingga April tahun ini.

Daripada jumlah itu katanya, RM42.8 bilion atau 55.1% adalah terdiri daripada pelaburan luar

negeri dan bakinya adalah pelaburan tempatan.

Menurut Perdana Menteri, industri elektronik terus menjadi satu sumbangan besar di mana ia meningkat kepada 29.6% setiap tahun antara tahun 1988 hingga 1993.

Ia juga mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan purata 30.4% dan 24.4% dalam aspek eksport dan pekerjaan pada tempoh yang sama.

Mengenai pelaburan Jepun terutamanya dalam bidang elektronik di negara ini, Dr. Mahathir memberitahu, 36.5% daripada sejumlah 452 projek yang membabitkan pelaburan berjumlah RM6.9 bilion telah diluluskan di negara ini. Kesemua pelaburan itu dari tahun 1980 hingga April tahun ini adalah dari Jepun.